

NEWS CLIPPING

EVENT:	SEMURNI KASIH 2015
PUBLICATION:	BERITA HARIAN
PAGE/ SECTION:	12
DATE:	SATURDAY, 15 AUGUST 2015
TIME:	-

12 ◊ NASIONAL

• SABTU 15 OGOS 2015

BH

Kempen Semurni Kasih kumpul sumbangan

Shah Alam: Sumbangan berbentuk pelbagai keperluan asas seperti makanan, minuman dan ubat dikumpulkan sepanjang kempen 'Semurni Kasih' yang diadakan pada Ramadan, iaitu dari 16 Jun hingga 27 Julai lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif 7-Eleven Malaysia Sdn Bhd (7-Eleven), Gary Brown, berkata inisiatif tahunan itu adalah sebahagian daripada program tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat bagi membantu masyarakat yang memerlukan.

Katanya, sumbangan itu disalurkan hasil kerjasama dan ih-san daripada kira-kira sejuta pelanggan yang mengunjungi lebih 1,855 cawangan kedai 7-Eleven setiap hari di seluruh negara.

"Pertambahan sumbangan se-



Brown (enam dari kiri), menyampaikan sumbangan cek berjumlah RM2,565,780.60 kepada 145 rumah kebajikan dan individu pada majlis Penyampaian Sumbangan Semurni Kasih 2015 di Shah Alam, semalam.

(Foto FAIZ ANUAR/BH)

banyak 56 peratus berbanding tahun lalu membuatkan rakyat Malaysia begitu prihatin untuk membantu masyarakat yang memerlukan.

"Justeru, pekerja 7-Eleven turut memulih tanggungjawab untuk mesyajikan lempen ini yang diadakan setiap tahun, khususnya dalam mengagihkan sumbangan

kepada ibu tunggal dan anak yatim dari pelbagai rumah kebajikan," katanya selepas menyempurnakan majlis Pemberian Sumbangan Semurni Kasih di Seksyen

U19, di sini, semalam.

Antara penerima sumbangan ialah Rumah Perlindungan Nur Kasih, Rumah Keluarga Norliana Alawi, Rumah Perlindungan Al Nasuha, Persatuan Kebajikan Anak-Anak Yatim Sejatiul Khadijah Gombak, Alaghians Shelter Children Home Seksyen 8 Petaling Jaya dan Persatuan Ibu Tunggal Mas Merah Kampung Tunku.

Kumpul RM1.6 tahun lalu

Program sama yang dianjurkan syarikat itu tahun lalu mengumpulkan sumbangan bernilai RM1.6 juta.

Pelanggar kedai serbaneka boleh menyururkan sebarang sumbangan menerusi pembelian barang di 7-Eleven dan memasukkannya ke kotak disediakan, sebelum diagiikan kepada rumah kebajikan.